

# Pensyarah didapati bersalah atas penyalahgunaan dadah didenda RM4,500

**KUCHING:** Seorang pensyarah di sebuah pusat latihan kerajaan di sini didenda RM4,500 atau 12 bulan penjara di Mahkamah Majistret Kuching semalam selepas didapati bersalah atas pertuduhan penyalahgunaan dadah Amphetamine dan Methamphetamine.

Majistret Nursyaheeqa Nazwa Radzali memerintahkan Mohammad Amirul

Azizi Yusup, 40, untuk menjalani pengawasan polis selama dua tahun mengikut Seksyen 38B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.

Beliau memutuskan demikian setelah tertuduh gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan selepas perbicaraan penuh dijalankan.

Mahkamah turut mendapati penjelasan dikemukakan ter-

tuduh pada peringkat pembelian hanyalah penafian semata-mata tanpa disokong sebarang bukti kukuh bagi menangkis anggapan di bawah Seksyen 37(k) ADB 1952 berkaitan pengambilan dadah.

Selain itu, mahkamah berpendapat prosedur pengambilan sampel air kencing juga didapati dipatuhi sepenuhnya tanpa sebarang kelompongan dalam rantai barang kes.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 15 (1) (a) ADB 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15 (1) akta sama.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara hingga dua tahun dan serta-merta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Ra-

watan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak kurang daripada dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu sekitar jam 12.30 tengah malam pada 5 Mac 2024 di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuching.

Semasa prosiding, Timba-

lan Pendakwa Raya Chuah Kai Sheng antara lain memohon mahkamah mengambil kira kesalahan penyalahgunaan dadah yang semakin berleluasa di negara ini dalam menjatuhkan hukuman.

Menurutnya, statistik Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) merekodkan seramai 192,857 penyalahgunaan dadah sepanjang tahun 2024.

“Malah, bagi tempoh enam bulan pertama tahun 2025 sahaja, sebanyak 134,000 penyalahgunaan dadah telah direkodkan, menunjukkan trend peningkatan dari tahun ke tahun,” katanya.

Bagi membuktikan kes pendakwaan, seramai tujuh saksi dipanggil memberi keterangan sepanjang perbicaraan.

Tertuduh diwakili peguam Osman Ibrahim.